



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2022**

---

**PENUBUHAN, TERMA RUJUKAN DAN STRUKTUR UNIT  
PEMERKASAAN AGENDA BUMIPUTERA (UPAB) DI KEMENTERIAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**1 Ogos 2022**

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian



**JABATAN PERDANA MENTERI  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8888 3904  
Web: [www.jpm.gov.my](http://www.jpm.gov.my)

---

Ruj. Kami : TERAJU/STKM/2022/JUN/UPAB/SPA/01  
Tarikh : 1 Ogos 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

---

### **PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2022**

---

## **PENUBUHAN, TERMA RUJUKAN DAN STRUKTUR UNIT PEMERKASAAN AGENDA BUMIPUTERA (UPAB) DI KEMENTERIAN**

### **1. TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada kementerian mengenai penubuhan serta terma rujukan dan struktur Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) di kementerian.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kerajaan bersetuju supaya Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) ditubuhkan di setiap kementerian selaras keputusan berikut:
- (i) Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 27 September 2021.
  - (ii) Mesyuarat Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) Bilangan 3/2021 pada 18 November 2021.
  - (iii) Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021.
  - (iv) Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 3 Tahun 2021 pada 7 Disember 2021.
- 2.2 Penubuhan UPAB bertujuan untuk memastikan penyertaan dan kepentingan Bumiputera dalam bidang ekonomi dan sosioekonomi dilaksanakan selaras dengan Pemerkasaan Agenda Bumiputera (PAB). Ini adalah untuk menentukan penyertaan Bumiputera yang seimbang, bermakna dan mampan dalam ekonomi negara.
- 2.3 Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang dibangunkan selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12

(RMKe-12) adalah kelangsungan daripada dasar-dasar dan Rancangan-Rancangan Pembangunan Bumiputera yang terdahulu, dengan mengambil kira keadaan semasa dan jangkaan keadaan yang akan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.

- 2.4 Di bawah TPB2030, enam (6) sasaran utama telah dikenal pasti antaranya memberi penekanan kepada perkara berikut:
  - (i) 7 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang dipilih daripada WKB2030;
  - (ii) 7 Bidang Keutamaan (PA) yang dipilih daripada RMKe-12; dan
  - (iii) 3 Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA)
- 2.5 KEGA ditakrifkan sebagai aktiviti ekonomi masa depan yang menunjukkan potensi untuk pertumbuhan yang pesat sejajar dengan aspirasi negara bagi mencapai pembangunan ekonomi yang bernilai tinggi.
- 2.6 Bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan TPB2030 di bawah kesemua 7 KEGA berjalan dengan lancar, Kerajaan akan memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam memastikan kejayaan program pembangunan yang telah dikenal pasti. Untuk itu, Kementerian Peneraju bagi setiap KEGA dipilih dan dicadangkan bersesuaian dengan fungsi dan bidang fokus utama kementerian tersebut.

### **3. PENUBUHAN DAN STRUKTUR UPAB DI KEMENTERIAN**

3.1 Dua (2) model struktur pewujudan/penubuhan UPAB di Kementerian adalah seperti berikut:

#### **(i) Model A: Peneraju KEGA**

Kementerian Peneraju KEGA merupakan kementerian yang dipilih berdasarkan fungsi, bidang kuasa dan tugas khusus kementerian tersebut bagi meneraju dan memastikan semua aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan inisiatif di bawah KEGA dilaksanakan secara berkesan. Struktur pewujudan/penubuhan bagi model ini adalah seperti berikut :

<b>Penjawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Bilangan Jawatan</b>
<u>Ketua Unit</u>	M52	1
Pegawai Tadbir dan Diplomatik		
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	3
Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	1
<b>JUMLAH</b>		<b>5</b>

**(ii) Model B: Penyokong KEGA**

Kementerian Penyokong KEGA merupakan kementerian yang tidak terlibat secara langsung dalam pelaksanakan inisiatif di bawah KEGA namun akan menyokong pelaksanaan inisiatif di bawah KEGA oleh Kementerian Peneraju KEGA, di samping menyelaras pelaksanaan inisiatif di bawah PA meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan. Struktur pewujudan/penubuhan bagi model ini adalah seperti berikut :

<b>Penjawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Bilangan Jawatan</b>
<u>Ketua Unit</u>	M48	1
Pegawai Tadbir dan Diplomatik		
Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	1
Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	1
<b>JUMLAH</b>		<b>3</b>

- 3.2 Permohonan perjawatan UPAB adalah berdasarkan kepada dasar-dasar perjawatan yang berkuat kuasa menerusi kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tidak melibatkan pertambahan implikasi kewangan.

## **4. PERANAN DAN FUNGSI UPAB**

### **4.1 Aspek Perancangan**

- (i) Menentukan semua inisiatif pemerkasaan agenda Bumiputera di kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dilaksanakan selaras dengan pelan-pelan serta prinsip-prinsip dan dasar-dasar negara dalam pemerkasaan agenda Bumiputera.
- (ii) Membangunkan dan menyediakan dasar serta pelan strategik di peringkat kementerian yang bersesuaian bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan inisiatif pemerkasaan agenda Bumiputera di kementerian mencapai objektif yang ditetapkan melalui penyediaan peruntukan kewangan dan sumber manusia yang bersesuaian.

### **4.2 Aspek Pelaksanaan**

- (i) Melaksana dan menyelaras dasar dan inisiatif khas pemerkasaan agenda Bumiputera seperti yang dipersetujui oleh kerajaan dari semasa ke semasa antaranya seperti berikut:
  - (a) Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)
  - (b) Bidang Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETA)

- (c) Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera
- (d) Tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan;
- (e) Pendidikan dan modal insan
- (f) Daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera
- (g) Penciptaan kekayaan Bumiputera
- (h) Tanah rizab melayu dan instrumen wakaf
- (i) Pemilikan ekuiti korporat
- (j) Program pembiayaan bagi sektor-sektor strategik
- (k) Pembangunan vendor
- (l) Penyumberan luar (*outsourcing*)
- (m) Eksport
- (n) Pelupusan aset (*asset divestment*)
- (o) Pelupusan aset bukan teras
- (p) Pembiayaan ekuiti dan pelaburan
- (q) Francais dan pelesenan

- (r) Peruntukan khas Bumiputera (*Carve-out and Compete*)
- (s) Perolehan

#### **4.3 Aspek Pemantauan**

Memantau dan memastikan penyertaan Bumiputera secara signifikan dalam semua inisiatif PAB di kementerian dan agensinya; termasuk bidang pembangunan sosioekonomi Bumiputera, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan, pendidikan dan modal insan, daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera, penciptaan kekayaan Bumiputera, tanah rizab melayu dan instrumen wakaf, dan pemilikan ekuiti korporat.

#### **4.4 Aspek Pelaporan**

- (i) Melapor pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) inisiatif pemerksasaan agenda Bumiputera di peringkat menteri di kementerian kepada menteri yang terlibat.
- (ii) Melapor pencapaian KPI inisiatif pemerksasaan agenda Bumiputera di kementerian kepada majlis tertinggi Bumiputera seperti MKB dan KSUKP melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri.


## **5. PENYELARASAN TANGGUNGJAWAB UPAB DI PERINGKAT KEMENTERIAN**

- 5.1 Ketua Setiausaha Kementerian bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keseluruhan operasi Unit dan pelaksanaan serta pencapaian inisiatif PAB di kementerian. Untuk tujuan pentadbiran, Unit tersebut perlu diletakkan di bawah seliaan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian bagi memastikan keseluruhan fungsi kementerian tidak meminggirkan kepentingan pemerkasaan ekonomi Bumiputera.
- 5.2 Sebuah Jawatankuasa Pemerkasaan Agenda Bumiputera (JPAB) hendaklah ditubuhkan, mengikut keperluan kementerian, yang berperanan bagi memastikan semua aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan inisiatif PAB di kementerian dilaksanakan secara berkesan.
- 5.3 Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dengan Timbalan Ketua Setiausaha sebagai pengurus ganti sekiranya ketiadaan Ketua Setiausaha, yang mana keahlian Jawatankuasa ini sekurang-kurangnya terdiri daripada:
  - (i) Pegawai-pegawai kanan atau bahagian dalam kementerian;
  - (ii) Ketua-ketua agensi dalam kementerian;
  - (iii) Pengarah/Ketua UPAB yang juga merupakan Setiausaha Sekretariat kepada Jawatankuasa ini; dan

- (iv) Ahli – ahli jemputan lain yang difikirkan perlu.
- 5.4 Komposisi keahlian JPAB akan disemak dari semasa ke semasa atas persetujuan Pengerusi.
- 5.5 Walaubagaimanapun, kementerian juga boleh mengguna pakai jawatankuasa peringkat tertinggi sedia ada di kementerian yang memiliki fungsi dan peranan yang serupa bagi menjalankan fungsi dan tanggungjawab JPAB.
- 5.6 Pengarah/Ketua UPAB bertanggungjawab untuk:
- (i) Menentukan mesyuarat JPAB dilaksanakan secara berkala dan teratur;
  - (ii) Memastikan keputusan mesyuarat JPAB dilaksanakan pada peringkat kementerian dan agensi berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan;
  - (iii) Memantau dan melaporkan kepada JPAB berhubung prestasi pelaksanaan inisiatif PAB di kementerian kepada pengurusan tertinggi kementerian; dan
  - (iv) Mengemukakan laporan pencapaian inisiatif PAB di kementerian kepada TERAJU secara berkala.

## **6. PENYELARASAN TANGGUNGJAWAB UPAB KEMENTERIAN DENGAN MAJLIS KEMAKMURAN BUMIPUTERA DAN KSUKP**

- 6.1 UPAB hendaklah mengemukakan laporan pencapaian inisiatif PAB di kementerian secara berkala kepada MKB dan KSUKP melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan TERAJU.
- 6.2 TERAJU yang merupakan unit strategik di bawah kawal selia JPM bertindak sebagai peneraju/penyelaras utama bagi Pemerkasaan Agenda Bumiputera.
- 6.3 JPM dan TERAJU berperanan dalam menyediakan analisis dan menilai kemajuan pencapaian dan impak inisiatif PAB di kementerian bagi tujuan pelaporan kepada MKB dan KSUKP.
- 6.4 Bagi tujuan tersebut, JPM dan TERAJU akan mengadakan sesi libat urus bersama kementerian bagi mendapatkan status semasa, memantau pelaksanaan inisiatif PAB di kementerian dan melaporkan kepada MKB dan KSUKP melalui pelaporan berkala UPAB.
- 6.5 Struktur pelaporan inisiatif PAB di kementerian adalah seperti di bawah:



*Rajah 1 : Pelaporan inisiatif PAB di kementerian*

## 7. TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.
- 7.2 Pindaan kepada terma rujukan ini boleh dilaksanakan oleh MKB atau mesyuarat KSUKP pada bila-bila masa yang sesuai dan berdasarkan keperluan.

## **8. PEMAKAIAN**

Peraturan di bawah Surat Pekeliling Am ini adalah terpakai sepenuhnya kepada semua Kementerian dan Jabatan Persekutuan.

## **9. MAKLUMAT PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang kemasukan berkaitan Pekeliling Am ini boleh merujuk kepada:

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri  
Setia Perdana 3, Kompleks Setia Perdana,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**  
No. Telefon : 03-8872 7053 / 7054

Ketua Pegawai Eksekutif  
Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)  
Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat 13, Blok A,  
Suasana PjH, Jalan Tun Abdul Razak,  
Presint 2, 62100 **PUTRAJAYA**  
No. Telefon : 03-8090 3000

## **10. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Surat Pekeliling Am Bilangan 5 Tahun 2013 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

(**TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI**)

Ketua Setiausaha Negara